

# Dasar dan Perkembangan

- Hala Tuju Dasar pada Tahun 2005
- Perkembangan Antarabangsa

# Dasar dan Perkembangan

## I. Hala Tuju Dasar pada Tahun 2005

Industri takaful terus tumbuh dengan disokong oleh peningkatan kesedaran orang ramai tentang kewangan Islam, kemajuan yang berterusan dalam ekonomi negara keseluruhannya dan pertambahan peluang berikutan pelbagai usaha yang dilaksanakan untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Dalam hubungan ini, hala tuju dasar pada tahun 2005 tertumpu pada enam bidang utama yang dirumuskan untuk meningkatkan daya tahan industri takaful dalam menghadapi persekitaran yang mencabar dan membolehkan pengendali takaful meraih potensi perniagaan takaful global. Bidang-bidang utama ini ialah:

- Memperkukuh infrastruktur keinstitutionian;
- Memperkukuh tadbir urus korporat dan pengurusan risiko;
- Mempertingkatkan kecekapan operasi;
- Memperkukuh rangka kerja Syariah;
- Mempertingkatkan pembangunan modal intelektual; dan
- Menambah baik pengendalian pasaran dan kesedaran pengguna.

### **Memperkukuh Infrastruktur Keinstitutionian**

Beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan pada tahun 2005 untuk memperkukuh lagi infrastruktur keinstitutionian industri takaful dan memperteguh takaful sebagai satu daripada komponen penting sistem kewangan Islam Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan menambah bilangan pemain yang mantap dan berkecukupan, termasuk broker dan ajuster, yang mempunyai sumber dan kepakaran yang mencukupi untuk merangsang persaingan dalam industri takaful dan mempercepat pembangunan

perniagaan takaful di peringkat domestik dan global. Antara inisiatif yang utama ialah:

- **Pelesenan Empat Pengendali Takaful Baru**  
Bank Negara Malaysia meluluskan permohonan daripada empat konsortium dan usaha sama antara institusi kewangan domestik dengan institusi kewangan asing untuk menjalankan perniagaan takaful di Malaysia. Pengendali-pengendali takaful baru ini dipilih berdasarkan keutuhan kewangan, kepakaran, kompetensi dan rangkaian antarabangsa mereka yang boleh menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan industri takaful di Malaysia dan melengkapkan usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka. Pengeluaran lesen baru bertujuan mempercepat kadar pembangunan perniagaan takaful domestik dan global dengan mewujudkan pengendali takaful yang kukuh dan berkecukupan yang mempunyai sumber yang mencukupi, kepakaran yang sesuai dan jaringan hubungan antarabangsa untuk menjalankan perniagaan ini. Penyertaan pengendali takaful baru ini akan juga memperkukuh hubungan dengan pasaran antarabangsa dan dengan itu meningkatkan potensi institusi kewangan Malaysia untuk meraih manfaat daripada sektor pertumbuhan ini secara global;
- **Pelesenan Broker Takaful dan Ajuster**  
Pada tahun 2005, Bank juga melaksanakan inisiatif penting untuk memperkukuh pengawalseliaan broker takaful dan ajuster melalui pengeluaran lesen kepada 25 broker takaful dan 32 ajuster kepada broker insurans dan ajuster yang layak yang telah dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996. Antara keperluan tambahan yang dikenakan kepada broker takaful dan ajuster untuk layak diberi lesen yang berkenaan dan boleh

menjalankan perniagaan di bawah kedua-dua Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996 ialah keperluan modal dan indemniti profesional yang lebih ketat dan pencapaian suatu jumlah perniagaan takaful yang minimum. Sebagai usaha meningkatkan pengkhususan dalam perniagaan pembrokeran takaful, Bank juga akan mengeluarkan empat lesen broker yang khusus, hanya untuk menjalankan perniagaan pembrokeran takaful. Pengeluaran lesen sedemikian adalah bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme dan kecekapan di kalangan pengantara takaful, di samping memastikan pertumbuhan yang teratur dalam industri takaful; dan

- **Menjadikan Persatuan Sedia Ada sebagai Persatuan Mandatori bagi Broker Takaful dan Ajuster**  
Seiring dengan pengeluaran lesen broker takaful dan ajuster di bawah Akta Takaful 1984, Menteri Kewangan telah meluluskan Persatuan Broker-broker Insurans Malaysia (PBIM) dan Persatuan Penyelaras Kerugian Malaysia (PPKM) masing-masing sebagai persatuan mandatori bagi broker takaful dan ajuster. PBIM kemudiannya akan dikenali sebagai Persatuan Broker Insurans dan Takaful Malaysia bagi mencerminkan kemasukan broker-broker takaful sebagai ahli PBIM. Selain mematuhi keperluan berkanun di bawah Akta Takaful 1984, PBIM dan PPKM juga akan menjadi platform untuk melindungi kepentingan broker takaful dan ajuster di samping menjadi pusat untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme di kalangan ahli mereka. Perluasan peranan persatuan industri yang sedia ada sebagai persatuan bagi broker takaful dan ajuster adalah untuk menggunakan kepakaran dan infrastruktur yang sedia wujud dalam persatuan berkenaan dan mempermudah kerjasama dan rangkaian hubungan di kalangan ahli persatuan.

### **Memperkuh Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko**

Memperkuh amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko pengendali takaful kekal merupakan satu daripada agenda teras pada tahun 2005 dalam usaha mewujudkan industri takaful yang mantap dan stabil. Kemajuan selanjutnya telah dibuat dalam bidang yang berikut dalam usaha melengkapkan peraturan dan amalan yang sedia ada bersabit dengan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko:

- **Kriteria yang Telus bagi Pelantikan Juruaudit**  
Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan pekeliling yang menggariskan kriteria kelayakan untuk pelantikan firma audit sebagai juruaudit

pengendali takaful bagi meningkatkan profesionalisme dalam pengauditan pengendali takaful. Dengan adanya kriteria yang telus, kini menjadi tanggungjawab pengendali takaful untuk memastikan firma audit yang bakal dilantik mematuhi semua kriteria yang ditetapkan oleh Bank sebelum memohon kelulusan pelantikan juruauditnya. Di bawah pekeliling ini, pengendali takaful perlu mengemukakan permohonan pelantikan juruaudit, sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh mesyuarat agung tahunan mereka setiap tahun; dan

- **Tadbir Urus Sistem Maklumat yang Baik**  
Bank Negara Malaysia meneruskan langkah untuk mempertingkatkan tadbir urus sistem maklumat (IS) secara keseluruhan dan menggalakkan amalan terbaik IS di kalangan pengendali takaful. Apa yang penting dalam usaha ini adalah untuk memastikan tadbir urus yang baik di pelbagai peringkat pengurusan pengendali takaful, dilengkapi pemantauan oleh Bank di premis dan di luar premis. Sehubungan dengan ini, pengendali takaful dikehendaki mematuhi garis panduan pengurusan persekitaran teknologi maklumat (IT) yang menggariskan tanggungjawab dan keperluan minimum untuk merancang, mengurus dan mengambil langkah mencegah dan mengesan bagi mengurangkan risiko berkaitan dengan persekitaran IT mereka. Bank terus menjalankan penyeliaan IS dengan tetap dan meningkatkan lagi standard penyeliaan IS dengan menanda aras kepada standard pengauditan IS lain yang telah diuji. Bank Negara Malaysia juga menjalankan kajian usaha wajar atas pengendali takaful baru bagi memastikan tadbir urus IS mereka telah diwujudkan sebelum pengendali takaful berkenaan memulakan operasi. Kajian ini termasuk penilaian terhadap kecukupan keselamatan aplikasi dan rangkaian, sistem sokongan dan strategi pemulihan termasuk keperluan fungsian perniagaan.

Bank Negara Malaysia melengkapkan langkah-langkah tersebut dengan terus memberi tumpuan pada penilaian profil risiko institusi berkenaan dan keberkesanan sistem pengurusan operasi dan pengurusan risiko di bawah Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko. Penilaian ini sebahagian besarnya menumpukan pada menilai keberkesanan lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam memainkan peranan mereka untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan pengendali takaful menghadapi cabaran masa

## Dasar dan Perkembangan

hadapan. Penilaian ini akan menyumbang ke arah penilaian keseluruhan keselamatan dan kemantapan pengendali takaful, dengan langkah-langkah yang sesuai diambil tepat pada masanya bagi mengurangkan risiko.

### **Mempertingkatkan Kecekapan Operasi**

Dasar juga disasarkan untuk memudahkan pengendali takaful mencapai kecekapan optimum dalam operasi mereka. Langkah-langkah yang diambil termasuk memudahkan pengatur penggunaan khidmat pihak ketiga oleh pengendali takaful, meningkatkan banktakaful sebagai saluran agihan yang efektif dan memperbaiki proses meluluskan produk. Dasar khusus yang diperkenalkan pada tahun 2005 dalam bidang ini adalah seperti yang berikut:

- **Pengeluaran Garis Panduan Pengaturan Penggunaan Khidmat Pihak Ketiga**

Garis panduan ini menetapkan jangkaan minimum Bank Negara Malaysia terhadap pengendali takaful yang menggunakan, atau bercadang untuk menggunakan khidmat pihak ketiga dalam mana-mana aktiviti, fungsi atau proses perniagaan mereka. Garis panduan ini mengandungi amalan terbaik antarabangsa dalam pengaturan penggunaan khidmat pihak ketiga yang menekankan tadbir urus amalan pengurusan risiko. Memandangkan pengendali takaful akhirnya bertanggungjawab sepenuhnya atas semua aktiviti penggunaan khidmat pihak ketiga, garis panduan ini menghendaki pengendali takaful mempunyai dasar penggunaan khidmat pihak ketiga yang komprehensif sebagai panduan untuk membuat keputusan strategik mengenai penggunaan khidmat pihak ketiga dan mempraktikkan program pengurusan risiko penggunaan khidmat pihak ketiga yang komprehensif, termasuk usaha wajar yang sesuai semasa memilih penyedia perkhidmatan. Kefleksibelan lebih luas yang diberikan di bawah garis panduan ini dilengkapi oleh keperluan pelaporan yang lebih baik bagi memperkukuh keupayaan Bank memantau sebarang risiko berkaitan dengan pengaturan penggunaan khidmat pihak ketiga yang penting di peringkat institusi dan industri. Ini diperkukuh lagi oleh keperluan bagi pengendali takaful supaya membuat peruntukan dalam perjanjian perkhidmatan untuk membenarkan penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia;

- **Pelaksanaan Keperluan Pengawalseliaan Banktakaful**

Keperluan pengawalseliaan baru bagi

banktakaful diperkenalkan pada tahun 2005 dengan matlamat utama untuk memastikan pengguna mendapat manfaat secara langsung daripada struktur kos yang efisien melalui pengaturan banktakaful, seterusnya mempromosikan lagi banktakaful sebagai saluran pengagihan alternatif yang efektif. Pengenalan keperluan baru mengenai pendedahan komisen bagi produk tabungan yang dipasarkan melalui pengaturan banktakaful akan memudahkan perbandingan produk banktakaful dengan instrumen tabungan dan pelaburan yang lain. Dengan perkembangan banktakaful, pengguna akan mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang bersepadu daripada institusi perbankan pada kos yang efektif; dan

- **Penambahbaikan Proses Kelulusan Produk Takaful**

Penambahbaikan proses meluluskan produk bertujuan untuk memastikan bahawa semua aspek yang berkaitan seperti pengurusan risiko dan pematuhan Syariah telah dipertimbangkan dengan teliti oleh pengendali takaful sebelum produk berkenaan dikemukakan kepada Bank. Keperluan baru ini termasuk pengesahan daripada jabatan atau bahagian pengendali takaful yang relevan tentang kemampuan mereka mengurus risiko yang timbul berikutan pengenalan produk baru itu, ketersediaan sistem IT untuk memantau dan mengurus produk baru itu, kecukupan ciri dan kawalan keselamatan dan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank. Pengendali takaful juga dikehendaki mengemukakan pengesahan Jawatankuasa Syariah berhubung dengan pematuhan Syariah dari segi konsep dan mekanisme produk baru itu dengan mengemukakan maklumat *fiqh*, bukti sokongan dan hujah-hujah yang relevan.

### **Memperkukuh Rangka Kerja Syariah**

Bank Negara Malaysia terus memantau pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Syariah bagi memastikan pematuhan terhadap Garis Panduan Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam. Berikutan pengeluaran garis panduan ini, terdapat penambahan kepada bilangan ahli penasihat Syariah yang menganggotai Jawatankuasa Syariah pengendali takaful dan perkembangan ini menjadi asas bagi menambah

lagi bilangan pakar Syariah yang berwibawa di negara ini. Kepelbagaian komposisi Jawatankuasa Syariah juga telah bertambah dengan pelantikan mantan hakim dan pengamal undang-undang sebagai ahli Jawatankuasa Syariah. Gabungan pelbagai latar belakang dan kepakaran itu akan meningkatkan kualiti dalam perbincangan mengenai Syariah yang memberi nilai tambah dan menyumbang ke arah pembangunan seterusnya industri takaful.

Bank Negara Malaysia telah melaksanakan dua inisiatif penting pada tahun 2005 ke arah membangunkan dan menggalakkan dinamisme dan penyatuan Syariah di peringkat antarabangsa. Inisiatif itu adalah seperti yang berikut:

- Inisiatif pertama ialah **Dialog Cendekiawan Syariah** yang telah diadakan pada 22 – 23 Jun 2005 di Kuala Lumpur bersempena dengan Mesyuarat Tahunan ke-30 Lembaga Gabenor-Gabenor Bank Pembangunan Islam (IDB). Matlamat utama Dialog ini adalah untuk menggalakkan penyatuan dan keharmonian dalam pentafsiran Syariah dan memupuk kesedaran di kalangan cendekiawan Syariah mengenai perkembangan perbankan dan kewangan Islam di peringkat global. Dialog ini menghimpunkan lebih 40 orang ahli Syariah yang terkemuka dari beberapa negara seperti Arab Saudi, Tunisia, Iran, Bahrain, Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Brunei Darussalam dan Malaysia. Dialog ini menyediakan platform rangkaian hubungan yang baik untuk memupuk kefahaman dan kesedaran di kalangan ahli Syariah terhadap pelaksanaan Syariah di pelbagai negara serta membantu integrasi sistem kewangan Islam domestik dengan sistem kewangan Islam global; dan
- Inisiatif kedua yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia ialah penubuhan **Dana Cendekiawan Syariah dalam Kewangan Islam** berjumlah RM200 juta. Dana Syariah ini menyediakan sumber untuk membiayai aktiviti penyelidikan Syariah, biasiswa untuk pengajian Syariah, di samping menganjurkan dialog tahunan cendekiawan Syariah antarabangsa. Dana Syariah ini akan membantu usaha melahirkan dan membangunkan cendekiawan Syariah berwibawa yang dilengkapi dengan ilmu yang mantap dan mempunyai kepakaran dalam undang-undang Islam dan *Fiqh Muamalat* bagi

menghadapi persekitaran industri kewangan Islam yang sentiasa berubah dan dinamik.

Pada tahun 2005, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia telah membincangkan beberapa isu berkaitan kewangan Islam dan antara keputusan utama yang dibuat oleh MPS adalah seperti yang berikut:

- **Membenarkan Caj Pampasan bagi Hutang Penghakiman Lambat Dibayar**  
Mahkamah boleh membenarkan caj pampasan bagi hutang penghakiman yang lambat dibayar dalam kes kewangan Islam berasaskan kadar purata pasaran wang Islam atau 8% setahun, yang mana lebih rendah, dan ia tidak boleh dikompakan;
- **Membenarkan Perlindungan Takaful Untuk Pinjaman Konvensional**  
Pengendali takaful boleh menyediakan perlindungan takaful kepada pelanggan pinjaman konvensional atas alasan bahawa kontrak takaful dan kontrak pinjaman konvensional ialah kontrak yang berbeza dan perlindungan berkenaan adalah untuk tujuan perlindungan kewangan kepada tanggungan peserta. Keputusan ini juga telah diambil berdasarkan keperluan orang ramai, termasuk pelanggan perbankan konvensional yang perlu diberi peluang yang sama untuk mendapat akses kepada produk takaful sebagai sebahagian daripada usaha menggalakkan kewangan Islam; dan
- **Meluluskan Mekanisme Pertukaran Asing Hadapan**  
MPS meluluskan mekanisme bagi urus niaga pertukaran asing hadapan berasaskan janji sebelah pihak yang mengikat selagi tidak dianggap sebagai kontrak sebelum tarikh penyelesaian. Sekiranya berlaku kemungkiran dalam janji mengikat ini, caj pampasan boleh dikenakan terhadap pihak yang mungkir itu.

### **Mempertingkatkan Pembangunan Modal Intelek**

Bank Negara Malaysia mengambil inisiatif penting pada tahun 2005 dalam penggalakan pembangunan modal insan dengan penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang akan memulakan operasinya pada tahun 2006. Penubuhan INCEIF adalah sebagai pemangkin untuk mewujudkan kumpulan pakar bertaraf dunia dan para profesional yang berwibawa dalam bidang perbankan, takaful dan kewangan Islam bagi memenuhi keperluan bakat industri di peringkat domestik dan antarabangsa.

### Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa

Salah satu prasyarat utama dalam menyokong pembangunan kewangan Islam yang progresif ialah membina kumpulan tenaga kerja mahir. Modal intelek insan ialah aset penting yang amat diperlukan bagi memacu inovasi dan mengekalkan daya saing pasaran dalam menghadapi cabaran dalam industri kewangan Islam. Dengan perkembangan sistem kewangan Islam yang pesat, Bank Negara Malaysia mengambil langkah strategik dengan menubuhkan sebuah pusat pendidikan kewangan Islam antarabangsa bagi melahirkan kumpulan profesional dan pakar yang diperlukan di bidang kewangan Islam bagi pasaran domestik dan global. Penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) akan menggalakkan rangkaian yang lebih luas antara sistem kewangan Islam domestik dan antarabangsa serta menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan kewangan Islam yang unggul.

Penubuhan INCEIF diumumkan oleh Y. A. B. Perdana Menteri Malaysia di Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN ke-3 pada bulan Disember 2005. Usaha ini sedang giat dijalankan sebagai persediaan bagi INCEIF memulakan operasinya pada suku kedua tahun 2006. Bagi menyokong inisiatif ini, Bank Negara Malaysia menubuhkan dana endowmen berjumlah RM500 juta.

INCEIF bermatlamat menjadi peneraju pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa di bidang kewangan Islam dengan objektif untuk:

- memudahkan penyelarasan, perancangan dan pelaksanaan inisiatif modal insan bagi industri kewangan Islam global;
- membangunkan kepakaran bagi sistem kewangan Islam global;
- menawarkan pentauliahan profesional dan program ijazah lanjutan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; dan
- menyediakan tenaga insan yang berwibawa sebagai penyelidik dan pendidik di bidang kewangan Islam.

#### Program

Program INCEIF dirangka bagi menyediakan teknik pembelajaran terkini dalam kelas dan menerusi talian elektronik yang mempunyai elemen nilai tambah yang unik. INCEIF juga akan menjalin ikatan strategik dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa yang tersohor bagi menyediakan program pendidikan bersama melalui skim profesor pelawat dan cendekiawan bermastautin.

Program INCEIF dikategorikan dalam tiga bidang utama:

#### I. Program pentauliahan profesional

INCEIF akan menganugerahkan pentauliahan profesional, iaitu Profesional Kewangan Islam Bertauliah, kepada pengamal kewangan Islam yang berkelayakan. Program pentauliahan ini akan bermula pada bulan Jun 2006, merangkumi tiga bahagian:

- *Bahagian I: Membina pengetahuan*  
Para pelatih akan memperoleh pengetahuan yang diperlukan di bidang kewangan Islam daripada teori dan etika hingga ke perancangan dan pengurusan kekayaan. Pengiktirafan sebagai Ahli Bersekutu dianugerahkan kepada para pelatih setelah berjaya dalam peperiksaan, kajian kes bertulis dan kertas projek.
- *Bahagian II: Membina kemahiran*  
Para pelatih akan memperoleh kemahiran dalam mengendalikan isu operasi dan transaksi kewangan Islam seperti penstrukturan pembiayaan korporat dan terbitan sekuriti Islam. Para pelatih mempunyai pilihan untuk membuat pengkhususan tertentu dalam bidang perbankan Islam dan/atau takaful. Bagi mendapat taraf Ahli Bertauliah, para pelatih perlu lulus peperiksaan, membuat kertas projek, mencipta produk baru dan menyediakan dokumen transaksi.

- *Bahagian III: Membina kecekapan dan pengalaman*  
Bahagian terakhir dirangka dengan menyediakan program *articleship* yang merangkumi pelbagai aktiviti bagi memberi pendedahan praktikal dalam industri perkhidmatan kewangan Islam kepada para pelatih. Ini termasuk program *mentor-mentee* di institusi kewangan Islam yang diluluskan penyertaannya, serta program pengendalian bank simulasi melalui makmal kewangan. Para pelatih akan melalui proses pengesahan seperti menyelesaikan masalah, latihan penstrukturan semula, program simulasi dan pengurusan, latihan pengubahsuaian produk, pematuhan Syariah dan audit, serta menjalani temu duga sebelum disahkan sebagai Ahli Pengamal.

### 2. Program ijazah lanjutan

INCEIF akan memulakan program Sarjana dan Doktor Falsafahnya sendiri bagi melahirkan graduan yang mempunyai asas kukuh dalam kewangan Islam, di samping keupayaan yang tinggi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Program Sarjana INCEIF akan menjurus kepada pengkhususan tertentu dalam bidang kewangan Islam, seperti Pengurusan Kekayaan Islam. Para pelatih juga akan menyertai program latihan amali. Program ini akan bermula selewat-lewatnya pada akhir tahun 2006.

### 3. Program penyelidikan dan penerbitan

INCEIF akan mewujudkan pusat sumber bertaraf dunia yang akan terbabit dalam projek penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kewangan Islam secara intensif di samping penerbitan buku, jurnal dan kertas kerja. Program pentauliah dan ijazah lanjutan akan memudah cara dan mempertingkatkan program ini dengan membekalkan bahan penyelidikan dan penerbitan yang relevan bagi rujukan para akademik. Kolokium Pendidikan INCEIF yang akan diadakan pada bulan April 2006 merupakan platform bagi menilai bahan kajian yang relevan bagi program penyelidikannya. INCEIF juga akan membangunkan pangkalan data kewangan domestik dan antarabangsa yang komprehensif.

### Tadbir Urus

INCEIF diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah. Majlis Tadbir Urus INCEIF, yang terdiri daripada mereka yang berwibawa dari dalam dan luar negeri, ditubuhkan bagi memacu hala tuju strategik INCEIF serta memberikan kefahaman mendalam berhubung visi global mengenai keperluan pembelajaran dalam industri perkhidmatan kewangan Islam. Panel Pembangunan Profesional juga ditubuhkan sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam perihal akademik serta bertanggungjawab mengkaji semula dan meluluskan modul program peringkat pentauliah dan ijazah lanjutan. Ia juga memastikan INCEIF menawarkan kandungan dan piawaian modul berkualiti tinggi bagi kesemua programnya.

Penubuhan INCEIF melengkapkan infrastruktur pembangunan tenaga kerja mahir dalam industri kewangan Islam Malaysia. Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) milik industri kewangan Islam dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) menumpukan program latihan mereka bagi memenuhi keperluan industri di peringkat teknikal manakala INCEIF menyediakan pengetahuan dan kemahiran peringkat pertengahan dan lanjutan dalam bidang kewangan Islam. Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) pula menyediakan program kepimpinan kepada pihak pengurusan atasan yang merangkumi pengurusan atasan institusi kewangan Islam. Kesemua ini membolehkan Malaysia menawarkan rangkaian program pembangunan tenaga kerja mahir dalam kewangan Islam bagi keperluan global industri perkhidmatan kewangan Islam.

INCEIF mencerminkan usaha dan komitmen Malaysia yang berterusan ke arah pembangunan progresif industri kewangan Islam dengan membangun dan mempertingkatkan modal intelek insan dalam kewangan Islam. Adalah dijangka penubuhan INCEIF akan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sistem kewangan Islam global.

### Menambah Baik Pengendalian Pasaran dan Kesedaran Pengguna

Usaha bersepadu terus dilaksanakan bagi memperkasakan lagi pendidikan dan kesedaran pengguna tentang konsep, produk dan

perkhidmatan takaful. Bank Negara Malaysia terus mengambil bahagian secara aktif dalam Program Jelajah Perbankan Islam dan Takaful (IBTR) anjuran Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia dengan kerjasama Persatuan Takaful Malaysia

## Dasar dan Perkembangan

yang diadakan di seluruh negara di enam lokasi dan berjaya menarik kira-kira 20,000 orang pengunjung. Bank Negara Malaysia menyertai Pameran Perdagangan OIC anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan pameran sempena Persidangan Pelabur yang diadakan pada bulan Jun 2005. Bank Negara Malaysia juga terlibat dalam Pameran Halal Antarabangsa Malaysia anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia selama dua tahun berturut-turut.

Bank Negara Malaysia terus berusaha meningkatkan lagi penerimaan orang ramai terhadap produk takaful melalui penambahbaikan pengendalian dan amalan pasaran untuk memastikan kepentingan pengguna terus terpelihara. Langkah-langkah yang diperkenalkan adalah seperti yang berikut:

- **Pengeluaran Pekeliling Penggantian Sijil Takaful**  
Untuk menambah baik amalan berkaitan dengan pemasaran produk takaful dan memastikan kepentingan empunya sijil sentiasa terpelihara, Bank Negara Malaysia telah menggariskan keperluan minimum dan standard pengendalian bagi mengurangkan berlakunya penggantian sijil takaful. Langkah-langkah diperkenalkan melalui pengeluaran pekeliling penggantian sijil termasuk keperluan mewujudkan mekanisme kawalan yang efektif untuk mengesan penggantian sijil dan memasukkan soalan-soalan yang relevan dalam borang cadangan penggantian sijil. Pengendali takaful dikehendaki melantik pegawai khusus dalam syarikat untuk mengambil tindakan susulan dan menasihati empunya sijil tentang keburukan mengganti sijil takaful dan memberi pilihan alternatif yang ada. Pengendali takaful dikehendaki menjalankan audit dalaman secara tetap bagi memastikan prosedur kawalan penggantian sijil takaful dikuatkuasakan dengan betul; dan
- **Pengeluaran Garis Panduan Semakan Amalan Penyelesaian Tuntutan**  
Garis panduan ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan keobjektifan proses penganggaran tuntutan. Garis panduan ini menghendaki pengendali takaful meluluskan tuntutan “kerosakan sendiri” secara elektronik melalui sistem pangkalan data Motordata Research Consortium Sdn. Bhd. (MRC), menyenaraikan kelulusan tuntutan mengikut setiap alat ganti yang digunakan dan harganya, serta masa bekerja yang diperlukan untuk pembaikan dan

tidak mengurangkan lagi anggaran pembaikan terakhir yang diperoleh daripada sistem pangkalan data MRC.

## II. Perkembangan Antarabangsa

### Membina Rangkaian yang Lebih Luas dengan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa

Aspek penting dalam membangunkan industri takaful global yang progresif ialah keperluan rangkaian antarabangsa yang lebih luas dan pakatan strategik di kalangan institusi kewangan Islam, pengawal selia dan organisasi penentu standard antarabangsa yang relevan. Bagi mencapai tujuan ini, pengendali takaful dan Bank Negara Malaysia telah meningkatkan usaha mempromosi takaful melalui pakatan strategik dan kerjasama antarabangsa untuk mencapai pengembangan pemiagaan global dan pertumpuan dalam pengawalseliaan dan amalan takaful. Antara perkembangan yang ketara ialah:

- **Penyertaan dalam Kumpulan Kerja Bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (IAIS)**  
Bank Negara Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam Kumpulan Kerja Bersama IFSB-IAIS (KKB) yang merupakan platform penting untuk menyokong IFSB ke arah mencapai mandatnya untuk membangunkan standard kehematan pengawalseliaan industri takaful yang diterima di peringkat antarabangsa. KKB telah mencapai kemajuan yang ketara melalui pengeluaran satu Kertas Isu mengenai “Isu Pengawalseliaan Takaful” yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal IAIS pada bulan Oktober 2005 dan diluluskan oleh Majlis IFSB pada bulan Disember 2005. Kertas Isu ini menyediakan kajian awal tentang kebolegunaan prinsip teras insurans (ICP) IAIS kepada standard pengawalseliaan yang akan dibangunkan oleh IFSB untuk industri takaful yang mendorong kepada pengenalpastian empat tema utama isu. Isu-isu itu ialah tadbir urus korporat, pengawalseliaan kewangan dan kehematan, ketelusan, pelaporan dan pengendalian pasaran serta proses kajian semula penyeliaan. Apabila isu-isu ini ditangani oleh IFSB, ia dijangka mendorong kepada penerimaan ICP IAIS untuk industri takaful, dan mungkin akan mendorong kepada pengeluaran kertas panduan atau standard yang khusus. Kertas Isu ini juga mengenal pasti tadbir urus korporat sebagai bidang keutamaan tugas IFSB pada masa hadapan;

- **Inisiatif Pembangunan Takaful di bawah Memorandum Persefahaman dengan Bank Pembangunan Islam (IDB)**

Kemajuan selanjutnya telah dicapai dalam melaksanakan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dengan IDB. Kedua-dua belah pihak telah memberi komitmen padu bagi memastikan bidang kerjasama yang wujud dilaksanakan dengan lancar dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dari segi menggalakkan pembangunan takaful dan takaful semula, Jawatankuasa Takaful dan Takaful Semula (Jawatankuasa) yang terdiri daripada 12 orang ahli telah ditubuhkan pada bulan Jun 2005. Ahli-ahlinya terdiri daripada pengawal selia dan pengamal takaful dari Malaysia dan negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Bank Negara Malaysia telah menjadi tuan rumah mesyuarat sulung Jawatankuasa ini yang diadakan pada bulan November 2005 bagi membincangkan kedudukan semasa perkembangan takaful di negara anggota OIC dan mempertimbangkan cadangan pelan tindakan untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti dalam perkembangan takaful dan takaful semula. Pelan tindakan ini dibahagikan kepada lapan bidang utama seperti yang berikut:

- i. Menyediakan sokongan yang diperlukan bagi penubuhan syarikat takaful di negara sasaran;
- ii. Menggalakkan sokongan modal insan;
- iii. Meningkatkan promosi dan kesedaran;
- iv. Menambahkan kapasiti dan sokongan bagi takaful semula;
- v. Menggalakkan pembangunan produk asas dan rangkaian produk yang menyeluruh;
- vi. Menggalakkan pembangunan pasaran dan peluang pelaburan;
- vii. Mengoptimumkan rangka kerja sedia ada mengenai penyelesaian pertikaian; dan

- viii. Membantu pembangunan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah yang mantap.

- **Penyertaan Ekuiti di Pakistan**

Sejajar dengan wawasan Kerajaan supaya institusi kewangan Malaysia berkembang ke luar negara, satu pengendali takaful Malaysia telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan Pakistan Kuwait Investment Corporation untuk memegang ekuiti sebanyak 25% dalam syarikat takaful yang pertama ditubuhkan di Pakistan, yang telah memulakan operasinya baru-baru ini. Satu lagi pengendali takaful sedang berunding dengan bakal rakan kongsi dengan tujuan untuk berkembang ke pasaran takaful di Pakistan; dan

- **Penyertaan Ekuiti Asing dalam Pengendali Takaful Semula**

Usaha terus dijalankan untuk memperkukuh kedudukan ASEAN Retakaful International (L) Ltd (ARIL) sebagai pengendali takaful semula yang utama. Pada tahun 2005, IDB merealisasikan penyertaan ekuitinya dalam ARIL melalui subsidiarinya, iaitu Islamic Corporation for the Development of Private Sector dengan memiliki 2.2 juta saham atau 15.7% daripada modal berbayar ARIL. Ini merupakan sebahagian daripada rancangan keseluruhan ARIL untuk menarik pemegang saham baru, terutamanya di kalangan negara anggota OIC, untuk menambah lagi modalnya sehingga USD60 juta menjelang tahun 2008. ARIL juga telah mengadakan jerayawara yang kerap, terutamanya ke negara timur tengah dalam usaha mencari sokongan pemiagaan. Usaha ini merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan pemiagaan asing ARIL, untuk mencakupi hampir satu perempat daripada keseluruhan pemiagaannya.

